



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 13 NOVEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

13/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	SETIAP ANAK DI SARAWAK BERHAK DAPAT PENDIDIKAN AWAL TERBAIK: FATIMAH	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/12/setiap-anak-di-sarawak-berhak-dapat-pendidikan-awal-terbaik-fatimah	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	PROGRAM SUKARELAWAN SISWA PUPUK PERPADUAN	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1176201/program-sukarelawan-siswa-pupuk-perpaduan	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	CUNGKIL BAKAT ANAK-ANAK ISTIMEWA	
	https://tvstv.my/2023/11/12/cungkil-bakat-anak-anak-istimewa/	TVSTV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	MYFUNDACION PERUNTUK RM750,000 BANTUAN BANJIR DI NEGERI PANTAI TIMUR	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1176058/myfundacion-peruntuk-rm750000-bantuan-banjir-di-negeri-pantai-timur	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	KEMAS UPDATES TVET PROGRAMMES TO ALIGN WITH CURRENT NEEDS	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/12/kemas-updates-tvet-programmes-to-align-with-current-needs	THESTAR.COM.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

13/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
6	JUMLAH MANGSA BANJIR DI SELANGOR, PERAK MENURUN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/634166/edisi/selangor-kl/jumlah-mangsa-banjir-di-selangor-perak-menurun	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/jumlah-mangsa-banjir-di-selangor-perak-berkurangan-pagi-ini/	BULETINTV3.MY
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/12/jumlah-mangsa-banjir-di-selangor-perak-terus-berkurangan/	FREEMALYSIATODAY.COM
	https://thesun.my/cerita/berita/banjir-jumlah-mangsa-di-selangor-perak-terus-menurun-pagi-ini-CD11740604	THESUNDAILY.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1176051/banjir-jumlah-mangsa-di-selangor-perak-terus-menurun-pagi-ini	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	'8,841 PPS MUATKAN LEBIH 2.1 JUTA ORANG DISEDIAKAN BAGI HADAPI BANJIR' - ARMIZAN	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1176159/8841-pps-muatkan-lebih-2-1-juta-orang-disediakan-bagi-hadapi-banjir	BHARIAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/11/12/8841-pps-untuk-muatan-2-1-juta-orang-hadapi-banjir-armizan/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
8	1 MAUT, 10 TERMASUK 6 BUDAK CEDERA NAHAS 2 KERETA	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1176270/1-maut-10-termasuk-6-budak-cedera-nahas-2-kereta	BHARIAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/11/12/wanita-maut-10-cedera-dalam-nahas-dua-kereta-ketika-raikan-deepavali/	MALAYSIAGAZETTE.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

13/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	WANITA DITEMUI MATI DENGAN PISAU TERPACAK DI DADA	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1176094/wanita-ditemui-mati-dengan-pisau-terpacak-di-dada	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	MGPERAK : USAHAWAN WANITA LKIM JUARA 'BADANG CHALLENGE' SEMPENNA HPPNK	
	https://malaysiagazette.com/2023/11/12/mgperak-usahawan-wanita-lkim-juara-badang-challenge-sempenna-hppnk/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
11	KAJI PUNCA KANAK-KANAK ALAMI MASALAH KESIHATAN MENTAL	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/kaji-punca-kanak-kanak-alami-masalah-kesihatan-mental/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	POLIS BURU PERAGUT RANTAI LEHER	
	https://www.sinarharian.com.my/article/634238/berita/semasa/polis-buru-peragut-rantai-leher	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/jenayah/tular-lelaki-ragut-rantai-emas-wanita-diburu-polis/	BULETINTV3.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1176248/polis-buru-lelaki-ragut-rantai-leher-emas-suri-rumah	BHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

13/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
13	FAZURA DINOBAT USAHAWAN WANITA TERBAIK TAHUN INI	
	https://malaysiagazette.com/2023/11/12/fazura-dinobat-usahawan-wanita-terbaik-tahun-ini/	MALYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
14	RADANG PARU-PARU PUNCA UTAMA KEMATIAN KANAK-KANAK	
	https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/sihat/2023/11/1176036/radang-paru-paru-punca-utama-kematian-kanak-kanak	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	650 MURID DIRAIKAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK SEDUNIA	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/223393/650-murid-diraikan-sempena-sambutan-hari-kanak-kanak-sedunia/	DAILYEXPRESS.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	PERBANYAK KAWASAN RIADAH, ELAK MASALAH MENTAL REMAJA PPR	
	https://www.sinarharian.com.my/article/634225/berita/nasional/perbanyak-kawasan-riadah-elak-masalah-mental-remaja-ppr	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	LELAKI OKU DILAPORKAN HILANG DI HUTAN BELAKANG RUMAH	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/12/lelaki-oku-dilaporkan-hilang-di-hutan-belakang-rumah	UTUSANBORNEO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

13/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
18	BALAS JASA, PASANGAN INDIA OKU JAGA WARGA EMAS TERLANTAR BEZA AGAMA	
	https://selangorkini.my/2023/11/balas-jasa-pasangan-india-oku-jaga-warga-emas-terlantar-beza-agama/	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	TEKNOLOGI AI BOLEH BANTU OKU PENGLIHATAN	
	https://tvstv.my/2023/11/12/teknologi-ai-boleh-bantu-oku-penglihatan/	TVSTV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	GIVE GREATER RECOGNITION TO RIGHTS OF DISABLED COMMUNITY, GOVT TOLD	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/11/12/give-greater-recognition-to-rights-of-disabled-community-govt-told/	FREEMALAYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
21	PEMBANTU RUMAH DIJEL 13 BULAN SELEPAS TUMBUK IBU MAJIKAN	
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/12/pembantu-rumah-dijel-13-bulan-selepas-tumbuk-ibu-majikan/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	ACAH ALIM, BERMUKA-MUKA – WANNA ALI DEDAH DIGANGGU PELAKON VETERAN	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/acah-alim-bermuka-muka-wanna-ali-dedah-diganggu-pelakon-veteran/	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

13/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
23	RASUAH HABUAN SEKS SUKAR DIBUKTIKAN; MANGSA PERLU BERANI BUAT LAPORAN - PENGANALISIS	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1176227/rasuah-habuan-seks-sukar-dibuktikan-mangsa-perlu-berani-buat-laporan	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
24	NELISSA MASIH TRAUMA 'DIRABA' KRU PRODUKSI	
	https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2023/11/1176120/nelissa-masih-trauma-diraba-kru-produksi	BHARIAN.COM.MY



TAJUK :	GERAK KEMPEN ELAK KES BUDAK MAUT DALAM KENDERAAN BERULANG		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	13 NOV 2023	M/SURAT :	11
STONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Gerak kempen elak kes budak maut dalam kenderaan berulang



Oleh Dr Mohd Zubairy Shamsudin
bhrencana@bh.com.my

Kanak-kanak maut disebabkan tertinggal dalam kenderaan akibat ibu bapa terlupa keberadaan anak mereka dikenali sebagai 'sindrom lupa anak' atau *forgotten baby syndrome*.

Sindrom ini berlaku disebabkan pelbagai faktor, antaranya perubahan rutin harian, tekanan, terlalu memikirkan perkara penting ketika memandu, keletihan, kelesuan atau cuba melakukan pelbagai tugas serentak.

Segala faktor ini menyebabkan ibu bapa cenderung lupa keberadaan anak dalam kenderaan, terutama apabila anak kecil belum mampu bersuara atau sedang tidur.

Ia dipengaruhi dua jenis memori, iaitu memori *habit* dan memori prospektif. Memori *habit* membabitkan tindakan berulang dilakukan secara automatik.

Sementara itu, memori prospektif adalah perancangan tindakan yang seterusnya perlu dilakukan. Contoh memori *habit* adalah pemanduan ke tempat kerja.

Sebaliknya, memori prospektif berkaitan dengan proses perancangan tindakan seterusnya yang perlu dilakukan seperti menghantar kanak-kanak ke

pusat penjagaan.

Dalam situasi tertentu memori *habit* boleh mengatasi memori prospektif sehingga menyebabkan terlupe melakukan tindakan dirancang. Keadaan ini mungkin mempengaruhi ibu bapa yang kadangkala terlupa mengenai keberadaan anak dalam kenderaan.

Pihak berkepentingan perlu mengambil serius isu lupa anak dalam kenderaan bagi mengelakkan berulangnya peristiwa sedemikian.

Strategi intervensi boleh merangkumi teknologi dan pendekatan sosial sebagai langkah proaktif dalam menangani perkara ini. Sebagai contoh, penyelesaian teknologi seperti penggunaan aplikasi telefon pintar seperti *Waze* mempunyai fungsi peringatan mengenai kanak-kanak di tempat duduk belakang adalah baik untuk diamalkan.

Bagi menangani isu yang timbul ini, institusi pengajian tinggi (IPT) atau pusat penyelidikan perlu memainkan peranan penting dalam merancang penyelidikan dan pembangunan teknologi keselamatan kanak-kanak dalam kenderaan.

Sokongan dana penyelidikan dan pembangunan (R&D) mencukupi daripada kerajaan amat penting. Selain itu, kerjasama dan sokongan pihak industri amat penting dalam menjayakan R&D ini.

Sebagai ganjaran kepada kerjasama ini, kerajaan boleh memberikan insentif kompetitif kepada in-

dustri, termasuk manfaat pengurangan cukai.

Sementara itu, intervensi sosial perlu digerakkan menerusi Kementerian relevan, seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Kementerian Sumber Manusia dan jabatan berkaitan.

Mereka bertanggungjawab membentuk dasar, strategi dan amalan untuk menangani isu ini. Pembabitan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga mampu menjadi pendorong untuk mencegah sindrom lupa anak ini.

Kerajaan harus memulakan inisiatif kempen nasional 'Jangan Lupa Anak' secara menyeluruh sama ada media elektronik dan media sosial.

NGO boleh diajak memainkan peranan dari sudut perancangan dan pelaksanaan program sokongan kepada masyarakat dengan matlamat untuk meningkatkan kesedaran keselamatan kanak-kanak dalam kalangan komuniti sasaran.

Apa yang penting, langkah holistik termasuk pemahaman faktor penyebab, strategi intervensi dan pelaksanaan perlu diambil kira. Kerjasama antara kerajaan, industri dan NGO perlu digembleng segera bagi memastikan peristiwa kes serupa tidak berulang.

Kesinambungan usaha bersama semua pihak adalah kunci untuk melindungi kanak-kanak daripada terus menjadi mangsa sindrom lupa ini.

Penolong profesor Faktor Manusia dan Ergonomik di Kulliyah Sains Kesihatan Bersekutu, Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Pahang



TAJUK : RASUAH SEKS MASIH AKTIF BERLAKU

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 13 NOV 2023

M/SURAT : 15

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Rasuah seks masih aktif berlaku

Pihak berkuasa sukar ambil tindakan kerana pembuktian kes mencabar

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz

Kuala Lumpur: Gejala rasuah berupa habuan seks dikesan masih aktif berlaku di negara ini, namun sukar diambil tindakan oleh pihak berkuasa kerana pembuktian kes yang mencabar dan kurangnya mangsa tampil membuat laporan untuk mendedahkan perkara itu.

Ia juga biasanya membabitkan mereka yang mempunyai kuasa, pangkat dan kedudukan serta tidak memerlukan rasuah wang, sebaliknya hanya mahu memenuhi nafsu serakah dengan mengambil kesempatan ke atas individu terdesak atau berdepan

isu berkait undang-undang.

Penganalisis rasuah, Noor Mohamad Shakil Hameed, berkata habuan seks boleh berlaku dalam pelbagai persekitaran dan situasi, dengan alasan berupaya melepaskan seseorang suspek ataupun pesalah, selain menerusi ugutan untuk mengambil tindakan jika permintaan itu tidak dituruti.

"Lazimnya, budaya habuan seks berlaku apabila seseorang yang ada kuasa, pangkat atau kedudukan menyalahgunakannya dengan mengambil kesempatan untuk memuaskan nafsu.

"Ada juga situasi yang mana habuan seks diminta oleh seseorang pegawai yang ada kuasa dalam urusan perolehan. Pelaku cuba mendapatkan habuan seks daripada pembekal yang ingin mendapatkan kontrak perolehan di organisasi terbabit," katanya kepada *BH*, di sini, semalam.

Jumaat lalu, *BH* melaporkan seorang anggota agensi penguatkuasaan di Johor Bahru, ditahan kerana disyaki meminta habuan seks sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan ke atas seo-

rang wanita yang gagal melapor diri atas kesalahan dadah.

Lelaki dalam lingkungan umur 40-an itu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ketika bersama wanita berusia 20-an terbabit, dalam operasi khas di sebuah hotel kira-kira jam 7.30 malam Khamis lalu.

Mangsa perlu buat laporan

Mengulas lanjut, Noor Mohamad berkata, sogokan seksual dipercayai sering berlaku, tetapi dikhuatiri tidak ramai mangsa mahu membuat laporan kerana perkara itu sukar dibuktikan, selain malu jika ia didedahkan kepada umum.

"Siasatan memang sukar kerana ia tidak membabitkan transaksi wang atau pemindahan secara dalam talian.

"Mangsa perlu berani untuk segera melaporkan kepada pihak berkuasa apabila ada permintaan habuan seks daripada mana-mana pihak. Dengan itu, pihak berkuasa dapat mengatur strategi menangkap suspek ketika mangsa berjumpa dengannya," katanya.

Dikhuatiri tidak ramai mangsa mahu membuat laporan kerana perkara itu sukar dibuktikan, selain malu jika ia didedahkan kepada umum

Noor Mohamad Shakil Hameed, Penganalisis rasuah



Beliau berkata, aspek kesedaran, pencegahan dan penguatkuasaan perlu ditingkatkan. Pihak berkuasa perlu berterusan memberi pendidikan kesedaran mengenai gejala habuan seks, kepada masyarakat.

"Kita juga memohon agar pihak SPRM meneliti semula Seksyen 16 Akta SPRM 2009 mem-

babitkan kesalahan menerima suapan, di mana sudah ada keperluan untuk mengadakan tafsiran lebih spesifik terhadap kesalahan meminta rasuah berbentuk habuan seks," katanya.

Sementara itu, Penasihat Undang-Undang di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Salawati Mat Basir yang juga pemerhati rasuah negara, senada mengaku siasatan terhadap rasuah seks di negara ini sukar kerana ia memerlukan bukti kukuh dalam pendakwaan.

"Ia memerlukan bukti kukuh memandangkan hubungan sulit sebegitu sukar disiasat. Jika hubungan seks itu dilakukan di hotel, perlu ada pembuktian yang kuat dan bukan setakat rakaman kamera litar tertutup (CCTV). Sebaliknya, pihak yang memberi habuan itu juga perlu membuat pengakuan.

"Tidak ramai yang akan datang dan mengaku memberi tumbuh mereka untuk sogokan seks. Erti kata sogokan itu akan habis di situ sahaja. Justeru, sukar untuk pihak berkuasa menjalankan siasatan," katanya.



TAJUK : SURI RUMAH MAUT DITIKAM DALAM TANDAS

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 13 NOV 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Melaka: Seorang suri rumah ditemukan maut dengan tiga kesan tikaman senjata tajam di dada di dalam tandas rumahnya di Taman Vista Kirana, Bukit Katil di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit berkata, mayat mangsa,

Suri rumah maut ditikam dalam tandas

Tan See Jie, 34, ditemukan ibu saudaranya berlumuran darah dalam bilik mandi rumahnya pada jam 3.30 petang.

"Siasatan awal mendapati mangsa maut dengan terdapat tiga kesan tika-

man di dada kiri berkedalaman antara 2 hingga 3 sentimeter (sm). Sebilah pisau juga ditemukan masih terpacak di dada kiri mangsa.

"Semasa kejadian wanita itu hanya tinggal ber-

sama ibu saudara dan anak lelakinya berumur 7 tahun, manakala suami mangsa tiada di rumah kerana bekerja di luar kawasan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.


Christopher berkata, se-

makan rakaman kamera litar tertutup di tempat kejadian mendapati tiada sebarang pergerakan keluar masuk ke dalam rumah melalui pintu hadapan dan pintu belakang.

Beliau berkata, pemerik-

saan di kawasan sekeliling dan dalam rumah juga mendapati tiada kesan geledah atau kesan selarak.

"Setakat ini, tiada unsur jenayah dalam kejadian ini dan mayat diserahkan kepada Unit Forensik Hospital Melaka untuk bedah siasat bagi mengetahui punca kematian," katanya.



TAJUK : WARGA EMAS CARI IBU KANDUNG

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 13 NOV 2023

M/SURAT : 12

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

TERPISAH 57 TAHUN

Warga emas cari ibu kandung

Oleh Noor Hidayah
Tanzizi
hidayah.tanzizi@hme-
tro.com.my

Jeli

“**H**anya Allah SWT saja yang tahu perasaan rindu itu dan saya teringin sangat mahu berjumpa, menatap wajah emak dan tiga adik-beradik yang terpisah sejak 57 tahun lalu. Andai kata emak sudah tiada saya harap dapat jumpa kakak dan dua adik,” luahan warga emas, Saimah Aziz.

Dia yang kini berusia 62 tahun yang sehingga kini masih berharap dapat bertemu ibu kandung dan tiga lagi adik-beradik yang kali terakhir ditemui ketika Saimah berusia 16 tahun di rumah ibunya di Langkap, Perak.

Saimah yang kini menetap di Kuala Balah di sini, berusaha tanpa henti menjejaki insan tersayang itu di platform media sosial sejak sekian lama, namun usahanya tidak berjaya dan mengakui kini buntu untuk mengesan keluarganya.

Dia menjejaki ibu, Siti Rodiah Sarman atau dikenali Kak Siti; kakak sulungnya. Aminah@Ruminah atau Minah yang kini dianggarkan berusia 65 tahun dan dikatakan berkahwin dengan lelaki dari Tanjung Karang, Selangor serta dua adik, Himisah atau nama panggilannya Misah, 60, dan Md Din, 58.

Berkongsi kisahnya, Saimah berkata, dia adalah anak kedua daripada empat beradik dan mereka sekeluarga sebelum ini menetap di Teluk Intan, Perak iaitu kampung halaman ibunya, Siti Rodiah yang kini berusia 82 tahun.

Menurutnya, bapanya Aziz Hasan yang berasal dari Johor meninggal dunia, menyebabkan kehidupan mereka ketika itu semakin sukar sebelum ibu terpaksa menyerahkannya kepada keluarga bapa yang datang menziarah mereka di kampung.

“Ketika itu, saya berusia lima tahun dan dibesarkan nenek dan ibu saudara di Johor.

“Ketika berusia 16 tahun saya pulang ke kampung



SAIMAH menunjukkan sijil lahir yang menjadi satu-satunya dokumen menyimpan maklumat ibu bapa kandungnya.

“Saya sangat berharap keluarga di Perak dan tak kiralah siapa yang masih ada tolong hubungi saya. Saya mahu tahu mereka masih ada atau tidak dan berharap dapat merapatkan kembali hubungan keluarga yang terpisah lama”

mencari ibu yang menetap di Langkap ketika itu dan kemudian saya pulang semula ke Johor,” katanya.

Katanya, selepas pulang dia ada mengirim surat kepada ibu dan keluarganya di Perak beberapa kali, namun tidak pernah menerima balasan kerana keluarganya tiada yang boleh membaca dan menulis ketika itu kerana kesempitan hidup.

“Jiran emak ada beritahu keluarga saya sudah berpindah dan dia juga tidak tahu lokasi baru mereka. Saya terus terputus hubungan dengan keluarga kandung termasuk jiran itu ju-


ga sehingga hari ini tanpa khabar berita mengenai mereka.

“Biarpun sudah terpisah lama saya masih merindui mereka. Andai kata emak kami sudah tiada saya berharap dapat berjumpa kakak dan dua adik atau anak dan cucu mereka. Rindu ini sudah terlalu lama dan saya berharap sebelum menutup mata dapatlah bertemu mereka,” katanya.

Menurut Saimah, satu-satunya gambar ibu, Siti Rodiah ketika muda sudah hilang daripada simpanan dan kini dia hanya ada sijil lahir yang tertera maklumat ibu bapa, malah mengakui ia juga sukar mengesan keluarga tanpa gambar itu.

“Saya sangat berharap keluarga di Perak dan tak kiralah siapa yang masih ada tolong hubungi saya. Saya mahu tahu mereka masih ada atau tidak dan berharap dapat merapatkan kembali hubungan keluarga yang terpisah lama,” katanya.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan boleh menghubungi Saimah di talian 01117905660.



TAJUK :	PARENTING BOARDING SCHOOLCHILDREN HAS BENEFITS, CHALLENGES		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	13 NOV 2023	M/SURAT :	14
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

ENCOURAGING INDEPENDENCE

Parenting boarding schoolchildren has benefits, challenges

PARENTING a child attending a boarding school is a unique experience that comes with its own set of benefits and challenges.

These schools offer an immersive educational environment and a chance for students to develop independence, resilience and lifelong friendships.

However, being a parent to a boarding school child requires navigating emotional distance and communication challenges, and adapting to a different parenting style.

Sending my eldest child to a boarding school several months ago, 270km away from home, has been an emotional challenge.

While he is having a good time making friends and exploring his new independence, the home feels different for the parental unit, which is missing the beloved child.

Being physically separated for the first time and adjusting to the distance can be difficult, particularly during special occasions and holidays. It requires parents to find alternative ways to maintain a strong bond.

Finding opportunities to visit the school, attend events, or engage in activities together when the child is on breaks becomes crucial.

The visits provide an opportunity to understand their lives and strengthen the family bond.

Boarding school life encourages independence and resilience; that's one of the reasons for sending a child there.

Our role as parents is to provide support and celebrate our children's achievements in managing their studies, routines and relationships independently.

Endless encouragement is also needed for them to embrace challenges and learn from setbacks, fostering resilience in the face of adversity.

Even though we may not be physically present, being involved in the child's life is essential.

However, the challenge for parents is to understand the extent of their involvement. They need to let their child grow and learn to make his own decisions.

Living together in a close-knit community, boarding schoolchildren tend to form deep and lasting friendships.

These connections can be invaluable, providing support and camaraderie throughout their lives.

While developing friendships, there are issues that the children will face, and it is good to let them try to overcome the challenges.

Parents can give advice and provide minimal guidance.

Boarding schoolchildren may experience many emotions, including excitement, homesickness and stress.

As a parent, I believe that it is best to acknowledge and validate these feelings, letting the child know that it is okay to experience them.

We should avoid dismissing the emotions or providing solutions. Instead, showing empathy and understanding will be such a great help to the child.

Establishing and maintaining communication channels is also important.

Regular phone calls, video calls or online chats are important to keep in touch, as it is crucial to keep track of their academic progress, extra-curricular activities and emotional

development.

Being informed allows us to offer support and encouragement. And sometimes, they do need reminders from their mother.

Ultimately, it is hoped that the experience of parenting a child at a boarding school will lead to personal growth and a strengthened parent-child relationship.

The skill of balancing between encouraging their independence, supporting their social connections, and being involved in their lives to ensure their emotional wellbeing during their boarding school journey will need to be grasped by parents. That's the challenge.

**ASSOCIATE PROFESSOR
DR ZALEHA YAZID**
Universiti Kebangsaan Malaysia



TAJUK : WOMAN FOUND DEAD WITH STAB WOUNDS AT HOME

HARI : ISNIN

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 13 NOV 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

NO CRIMINAL ELEMENTS

Woman found dead with stab wounds at home

MELAKA: A housewife was found dead with a knife stuck in her chest at her house in Ayer Keroh on Saturday.

Melaka Tengah police chief Assistant Commissioner Christopher Patit said the police received a report from a Melaka Hospital medical assistant at 3.30pm about the discovery.

He said a police team, including personnel from the Forensics Department, was dispatched to the scene.

"The incident occurred between 2pm and 3.30pm. At the time of the incident, the victim was with her 7-year-old child and her husband's 65-year-old aunt.

"Her husband was not at home as he was outstation for work. The victim was fully clothed when found.

"We found three stab wounds on the left of the victim's chest measuring 2cm to 3cm long, with a knife stuck on her chest."

He also said there were no signs of a struggle in the inside or outside of the house.

"Closed-circuit television cam-



Christopher Patit

era recording showed that no one had been coming in or out of the house through the front or back doors."

Patit said the victim's body was taken to the Melaka Hospital for a post mortem.

"There were no criminal elements found in the incident and the case has been classified as a sudden death."



TAJUK : HOUSEWIFE FOUND DEAD WITH STAB WOUNDS IN BATHROOM

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 13 NOV 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Housewife found dead with stab wounds in bathroom

MELAKA: A housewife was found dead with stab wounds on the chest in the bathroom of her house in Taman Vista Kirana, Bukit Katil here Saturday evening.

Melaka Tengah police chief ACP Christopher Patit said the deceased, Tan See Jie, 34, was discovered by her aunt Lim Geok Leng, 65, lying in a pool of blood in the bathroom at around 3.30pm.

"Based on the initial investigation, the victim was found with three stab wounds on the left chest. A knife was also found embedded in the victim's left chest.


"At the time of the incident, the victim was home with her

aunt and seven-year-old son, as her husband was away working," he said in a statement yesterday.

Upon checking footage from a closed-circuit television (CCTV) at the scene, Christopher said there was no movement in and out of the house through the front and back doors.

"A thorough examination of the surrounding area and inside the house also found no signs of a ransack. There was no sign of criminal element in the incident," he added.

The body has been sent to the Forensic Unit of the Melaka Hospital for post-mortem to determine the cause of death.
— Bernama



TAJUK : PROMOTE PARTICIPATION OF CHILDREN WITH DISABILITIES IN SPORTS, FATIMAH TELLS PPDK

HARI : ISNIN AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 13 NOV 2023 M/SURAT : 05

TONE : POSITIF SEKTOR : KPWKM

Promote participation of children with disabilities in sports, Fatimah tells PPDK

MIRI: Children with special needs should be encouraged to participate in sports activities and be guided on sports which they can succeed and have fun doing so, said Minister of Women, Children and Community Welfare Development Dato Sri Fatimah Abdullah.

"The community-based rehabilitation centre (PPDK) ought to organise more of such activities to unearth potential talent among these special children," she said.

She said this in a speech read by her deputy minister Datuk Rosey Yunus at the closing ceremony of Miri Division PPDK Sports Games cum People with Disabilities (PwD) Day celebration at Sarawak Islamic Complex here, Saturday

evening.

"Through inclusion in sports activities, these special children will be able to develop a competitive attitude and self-confidence among themselves," Fatimah said.

"Besides enhancing life and social skills, sports activities and games can also give general health benefits to these children," she added, while pledging her ministry's support for PPDK to host more of such activities in future.

Citing the 2022 Para Asian Games in Hangzhou, China, Fatimah said it was a good example as to how people with disabilities can contribute to the nation's sports development.

"Several Malaysians won gold medals in their respective para-

athletics events namely national powerlifting champion Bonnie Bunyau Gustin; shot putt athlete Muhammad Ziyad Zolkefli; long jump athlete Datuk Abdul Latif Romly; and swimmer Muhammad Nur Syaiful Zulkafti," she remarked.

The event on Saturday was attended by Miri mayor cum Pujut assemblyman Adam Yii; Miri Division PPDK Sports Games organising chairman Samson Bala Palaba; staff members of PPDK Sunflower Miri, trainees and parents.

The objectives of the event were to strengthen ties among all PPDK citizens in Miri Division, as well as foster understanding and cooperation among the society, parents and guardians.



TAJUK : SAR LAUNCHED FOR PWD YOUTH MISSING IN JUNGLE NEAR HOME

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 13 NOV 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM



Rescuers make their way into the jungle in search of the victim.

SAR launched for PwD youth missing in jungle near home

SIBU: A search-and-rescue (SAR) operation was launched yesterday for a person with disability (PwD) reported missing from his home in Sungai Telian, Durin near here.

The Fire and Rescue Department (Bomba) said they received a call on the missing man at 10.15am and immediately deployed personnel from the Sibujaya fire station to the location.

The missing man, identified as Kong Chak Meng, 21, was

last seen in the jungle area behind his house.

"The police and members of the public are also involved in the SAR operation," said Bomba.

It said the search was initially centred on a 1km radius from the operations control post, before being expanded to a 1.5km radius from the victim's house.

The SAR was postponed yesterday evening due to darkness, and will continue today, added Bomba.



TAJUK : 'HELP PARENTS PREVENT KIDS FROM DYING IN LOCKED CARS'

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 13 NOV 2023

M/SURAT : 09

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

'Help parents prevent kids from dying in locked cars'

By FARIK ZOLKEPLI
farik@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: In the wake of recent fatal cases involving children being accidentally left in vehicles, the Alliance for a Safe Community has called for systemic, technological and societal changes that protect children and support their parents.

Its chairman Tan Sri Lee Lam Thye said such incidents involved a momentary lapse with irreversible consequences.

"They highlight an aspect of modern life that we too often overlook – the dire need for work-life balance and the implementation of initiatives to protect our most vulnerable.

"At the heart of these tragedies lies the stark reality that the pressures of the workplace are encroaching more and more

upon our personal lives," he said in a statement yesterday.

His comments came following the incident in Ara Damansara, Selangor, on Nov 9, when a toddler died after being left in a car for more than seven hours.

According to the police, the girl's mother, in her 30s, did not realise that she had forgotten to drop off the child at a daycare centre after she got distracted by some business transactions.

Lee said the Nov 9 incident, following hard on the heels of similar tragedies in the country, brings to the fore a critical issue that demands immediate attention – the delicate equilibrium between work responsibilities and family safety.

Both systemic change and personal vigilance are needed to prevent such heartbreaking incidents, he said.

"Firstly, employers must recognise the intense strain placed on working parents and offer supportive measures," he said, adding that these include flexible working hours, remote work options and parental leave policies.

"The integration of technology can also serve as a safety net.

"Simple reminders set on smartphones, or more sophisticated alert systems integrated into vehicles, could act as critical prompts," he said.

Just as essential, he said, are public awareness campaigns that "could disseminate best practices such as 'look before you lock' and keeping essential items like a purse or briefcase in the backseat as additional reminders to check for the child".

On a governmental level, policies that protect child welfare

should be reviewed and strengthened, Lee said.

"Regulations could mandate the installation of rear-seat reminder systems in all new vehicles.

"In our community-centric society, we can also lean on the 'it takes a village' philosophy. Neighbours, educators and friends should be encouraged to look out for one another, offering support or assistance when they notice someone struggling to manage their responsibilities," he said.

Personal accountability must be underscored as well, Lee said.

"In the digital age, where distractions are rife, we must be resolute in our focus when it comes to childcare," he said.

On Oct 24, a 16-month-old girl died after she was left inside a car at a university in Kuala Nerus, Terengganu.


The police said the child's father had forgotten to drop the toddler off at the university's daycare centre that morning.

On Oct 5, an eight-month-old girl died after being left in a car for several hours at the parking lot of a hospital in Kuala Lumpur.

Police investigations revealed that the victim's mother, a doctor at the hospital, had placed her daughter in the rear passenger seat to send her to a nursery, but went straight to work.

On Feb 17, 2020, a nine-month-old girl reportedly died of heatstroke after being left strapped in her child seat in the back of a multipurpose vehicle for four hours at a complex in Indera Mahkota, Pahang.

The police said the victim's father had found her motionless in the vehicle after he returned from lunch.



TAJUK : FLOOD SITUATION IN SELANGOR, PERAK IMPROVES

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 13 NOV 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Flood situation in Selangor, Perak improves

KUALA LUMPUR: The flood situation in Selangor and Perak showed improvement yesterday, as the number of evacuees placed at temporary relief centres in both states dropped further.

In Selangor, a total of 192 people from 49 families were still being accommodated in four centres, compared with 225 from 58 families reported on Saturday night.

The Social Welfare Department *Info Bencana* portal said four centres were still operating, namely Jenderam Hilir community hall, Sekolah Menengah Kebangsaan Dengkil and Dengkil community hall in Sepang district, as well as Kampung Bukit Changgang community hall in Kuala Langat.

In Perak, the number of evacuees

dropped to 423 people from 127 families, compared with 432 from 130 families on Saturday night. They were housed in five relief centres in Hilir Perak and Kerian districts.

The State Disaster Management Committee Secretariat said in Hilir Perak, 169 people from 52 families were still in the Padang Tembak multipurpose hall, while 70 people from 24 families were at the Teluk Intan Municipal Council hall.

"A total of 40 people from 11 families are in Chikus multipurpose hall.

"The number of evacuees in the Kerian district dropped to 87 from 21 families. They were housed at SK Changkat Lobak, while 57 from 19 families were still in SK Alor Pongsu," read the statement. – Bernama



TAJUK : WOMAN FOUND STABBED TO DEATH

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 13 NOV 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Woman found stabbed to death

MALACCA: A housewife was found dead with stab wounds in the chest in a bathroom of her house in Taman Vista Kirana, Bukit Kati on Saturday.


Central Malacca district police chief ACP Christopher Patit said the woman, Tan See Jie, 34, was discovered by her aunt Lim Geok Leng, 65, lying in a pool of blood in the bathroom at about 3.30pm.

"Based on initial investigations, the victim had stab wounds on her left chest. A knife was also found embedded in the victim.

"At the time of the incident, the victim was home with her aunt and seven-year-old son, while her husband was away at work," he said in a statement yesterday.

Patit said closed-circuit television camera footage showed there was no movement in and out of the house through the front and back doors. An examination of the surrounding area and the house showed no signs of it being ransacked.

"There was no signs of criminal element in the incident. The body was sent to the Malacca Hospital for a post-mortem to determine the cause of death," he added. – Bernama



TAJUK :	BERI PELUANG ANAK ISTIMEWA MEMPERLIHATKAN BAKAT MEREKA		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	13 NOV 2023	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Beri peluang anak istimewa memperlihatkan bakat mereka

MIRI: Setiap anak istimewa berhak diberi peluang dan ruang memperlihatkan bakat dan kemahiran mereka.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Datuk Rosey Yunus percaya setiap mereka memiliki potensi besar dalam bidang tertentu dengan sokongan padu ibu bapa, penjaga dan pelatih.

Rosey berkata, antara contoh dibanggakan ialah jaguh angkat berat paralimpik negara, Bonnie Bunyau Gustin dan jaguh lontar peluru, Muhammad Ziyad Zolkefli.

"Beri mereka setiap peluang dalam bidang yang mereka dapat lakukan. Yang terbaik adalah kita dapat melihat dan memberi peluang kepada mereka memperlihatkan bakat-bakat masing-masing," katanya.

Rosey berkata demikian ketika merasmikan Majlis Makan Malam Penutupan Temasya Sukan Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti

(PPDK) dan sambutan Hari OKU Peringkat Bahagian Miri di sini malam kelmarin.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bekenu itu kagum dengan komitmen dan tahap kesabaran ibu bapa, penjaga dan pelatih menjaga dan mendampingi anak-anak istimewa sehingga berjaya melihat dan mencungkil bakat-bakat mereka.

"Kementerian kita sekarang mahu menanam dan meningkatkan pemahaman pelajar tentang anak-anak istimewa bermula dari usia muda termasuk di prasekolah.

"Dari situ, kanak-kanak dapat memahami keperluan dan kemahuan rakan-rakan istimewa sebaya mereka.

"Kita tidak mahu rasa kelainan, tersingkir hanya kerana kekurangan, ini mahu kita elakkan," jelasnya.

Rosey memberitahu ini sangat penting kerana mereka juga mempunyai hak berada sama seperti anak-anak

lain.

Tentang temasya itu, selain mengasah bakat-bakat anak-anak istimewa dalam sukan, aktiviti tersebut juga menanam semangat bersaing yang sihat.

Dalam pada itu, temasya dua hari itu disertai lebih 200 peserta dari PPDK Eda Beran, PPDK Batu Niah, PPDK Bekenu, PPDK Morsjaya, PPDK Sunflower dan PPDK Miri.

Acara dipertandingkan ialah balapan dan padang, boccea, perbarisan di Stadium Miri, boling dan bord game di PPDK Sunflower.

Johan kawad kaki dimenangi PPDK Sunflower, Anugerah Pelatih Lelaki Terbaik diraih Michael Malang dari PPDK Eda Beran dan Anugerah Pelatih Perempuan Terbaik kepada Nurfaliza Mohd Othman dari PPDK Bekenu.

Hadir sama ialah ADUN Pujut merangkap Datuk Bandar Majlis Bandaraya Miri (MBM) Adam Yii.





TAJUK : LELAKI OKU DILAPORKAN HILANG DI HUTAN BELAKANG RUMAHNYA

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 13 NOV 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Lelaki OKU dilaporkan hilang di hutan belakang rumahnya

SIBU: Seorang lelaki yang merupakan orang kurang upaya (OKU) dilaporkan hilang dari rumahnya di Sungai Telian, Durin dekat sini semalam.

Pusat Gerakan Operasi Sarawak memberitahu pihaknya menerima panggilan berhubung kehilangan mangsa jam 10.15 pagi.

“Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sibu Jaya kemudian mengerahkan tujuh anggotanya ke lokasi untuk menjalankan operasi mencari dan menyelamat (SAR) yang turut disertai polis dan orang awam.

“Maklumat awal daripada saksi, mangsa dikenali Kong Chak Meng, 21, dikatakan kali terakhir dilihat di kawasan hutan belakang rumahnya,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Pada hari pertama SAR itu, komander operasi melakukan

‘size up’ dan melakukan pemantauan serta meminta maklumat daripada keluarga lelaki itu.

“Tindakan awal pasukan bomba adalah mencari di kawasan hutan belakang rumah mangsa dikhuatiri hilang.

“Pencarian mangsa hilang peringkat awal dilakukan bomba bersama orang awam seramai 11 orang.

“Jarak radius pencarian peringkat awal satu kilometer daripada pos kawalan bomba dengan teknik pencarian ‘surface searching’,” jelasnya.


Menurutnya, pencarian mangsa kemudian ditukar ke arah sebelah kiri rumah mangsa yang mana radius dalam 1.5 kilometer namun mangsa masih belum dijumpai.

“Pencarian mangsa hilang ditangguhkan kerana kead-



CARI: Pasukan SAR ketika menjalankan operasi mencari mangsa sekitar kawasan hutan Sungai Telian, Durin di Sibu semalam.

aan cuaca gelap dan tidak SAR disambung semula esok dapat dijalankan. Operasi (Isnin),” katanya.



TAJUK :	PROGRAM HARI KELUARGA SIDS SIBU BERLANGSUNG DENGAN JAYANYA		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	13 NOV 2023	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Program Hari Keluarga SIDS SibU berlangsung dengan jayanya

SIBU: Program Hari Keluarga Sarakup Indu Dayak Sarawak (SIDS) SibU yang diadakan di Zoo Bee, Bukit Aup di sini berlangsung dengan jayanya.

Setiausaha Politik Premier Sarawak William Anut merasmikan program tersebut mewakili Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Assek Joseph Chieng di sini kelmarin.

Pengerusi SIDS SibU Angelyn Uchi Maseng berkata program itu disertai seramai 200 orang terdiri daripada ahli-ahlinya termasuk keluarga mereka.

“Hari Keluarga ini merupakan acara tahunan kami di mana ia sudah lama tidak diadakan sejak tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu.

“Dengan program ini ia menjadi landasan memupuk hubungan serta silaturahim kalangan ahli kami,” katanya kepada pemberita di sini kelmarin.

Menurutnya, aktiviti diadakan adalah pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, gubahan bahan terpakai, makan buah epal, makan ketupat, meniup belon dan paling menarik melukis keluarga sendiri oleh ahli keluarga sendiri.

Uchi memberitahu, di



MERIAH: Gelagat ahli-ahli serta keluarga mereka semasa memeriahkan aktiviti pada Program Hari Keluarga SIDS SibU kelmarin.

bawah Cawangan SIDS SibU mempunyai seramai 20 unit terdiri daripada ahli-ahli dari kawasan luar bandar seperti Penasu, Rantau Panjai, Tutus, Passai, Sengan, Salim dan Naman.

“SIDS adalah satu-satunya organisasi di mana kami boleh mengumpulkan semua wanita Dayak di SibU untuk


manfaat bersama,” jelasnya.

Pada program itu turut diadakan penyampaian hadiah kepada peserta yang menyertai pertandingan membuat ‘Tango Moden’ yang dimenangi Jenny@Anna Henry dari SIDS Unit Rejang Park, diikuti tempat kedua Duri Unggang (SIDS Unit Permai) dan tempat ketiga, Karmila

Galau (SIDS Unit Bekakap).

Dua pemenang lagi ialah Daria Wilfred (SIDS Unit Sukun) dan Susana Ngawin (SIDS Seduan Jaya) masing-masing di tempat keempat dan kelima.

Program Hari Keluarga ini dikendalikan oleh Ketua Biro Sukan SIDS SibU Priscilla Bunsu bersama jawatankuasanya.



TAJUK : SETIAP ANAK BERHAK DAPAT PENDIDIKAN AWAL TERBAIK

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 13 NOV 2023

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Setiap anak berhak dapat pendidikan awal terbaik

Pendidikan awal yang sempurna adalah penting dan ia amat disedari oleh kerajaan negeri, kata Fatimah

Oleh Mohamad Achil Norriatep

MUKAH: Setiap anak di Sarawak berhak mendapatkan pendidikan awal yang terbaik.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata pendidikan awal yang sempurna adalah penting dan ia amat disedari oleh kerajaan negeri.

"Justeru, kerajaan negeri ambil alih SeDidik untuk berada di bawahnya demi pendidikan awal anak-anak di Sarawak," katanya pada Majlis Konvokesyen SeDidik Zon Mukah Ke-32 di Kompleks Kebajikan Dalat di sini kelmarin.

Fatimah berkata, anak-anak yang belajar di SeDidik amat ditekankan tiga perkara utama iaitu ekse, ekuiti dan

“Justeru, kerajaan negeri ambil alih SeDidik untuk berada di bawahnya demi pendidikan awal anak-anak di Sarawak.”

Dato Sri Fatimah Abdullah

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti

kualiti.

Katanya, SeDidik mempunyai 106 premis dan setakat Oktober 2023 ia mempunyai kanak-kanak berdaftar seramai 2,627 orang.

"Itu terbahagi kepada 580 kanak-kanak di taska dan 2,047 orang kanak-kanak di tadika.

"Di SeDidik juga anak-anak sentiasa diterapkan dengan tambah nilai seperti perbuatan menabung sejak kecil, menjaga kebersihan diri serta persekitaran dan sebagainya," jelas beliau.

Fatimah menambah, perkara tersebut turut diterapkan di samping sesi pembelajaran asas digunakan sebagai persediaan kanak-kanak melangkah ke alam sekolah rendah atau formal.

Mengenai guru, SeDidik juga memastikan guru yang mengajar adalah berkecuali dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat.

"Malah menjelang 2025, semua guru di SeDidik mempunyai kelulusan dalam diploma dan ijazah," ka-



GRADUASI: Fatimah (tengah) bersama kanak-kanak Tadika SeDidik Mukah dan ibu bapa pada majlis tersebut di Dalat, kelmarin.

tanya. Seramai 34 kanak-kanak SeDidik dari tujuh Tadika majlis tersebut. Besar SeDidik Sdn Bhd Ayub Zon Mukah bergraduasi pada Turut hadir Pengurus Dahari.



TAJUK :	SURI RUMAH DITEMUKAN MAUT DENGAN TIGA KESAN TIKAMAN DI DADA		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	13 NOV 2023	M/SURAT :	13
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Suri rumah ditemukan maut dengan tiga kesan tikaman di dada

MELAKA: Seorang suri rumah ditemukan maut dengan tiga kesan tikaman senjata tajam di dada di dalam tandas rumahnya di Taman Vista Kirana, Bukit Katil di sini petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah ACP Christopher Patik berkata mayat mangsa, Tan See Jie, 34, ditemukan ibu saudaranya, Lim Geok Leng, 65, dalam keadaan berlumuran darah dalam bilik mandi rumah tersebut pada kira-kira 3.30 petang.


“Siasatan awal mendapati mangsa maut dengan terdapat tiga kesan tikaman di dada kiri berkedalaman antara 2 hingga 3 sentimeter (sm). Sebilah pisau juga ditemukan masih terpacak di dada kiri mangsa.

“Semasa kejadian wanita itu hanya tinggal bersama ibu saudara dan anak lelakinya berumur 7 tahun, manakala suami mangsa tiada di rumah kerana bekerja di luar kawasan,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Christopher berkata semakan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di tempat kejadian mendapati tiada sebarang pergerakan keluar masuk ke dalam rumah melalui pintu hadapan dan pintu belakang.

Beliau berkata pemeriksaan di kawasan sekeliling dan dalam rumah juga mendapati tiada kesan geledah atau kesan selarak.

“Setakat ini, tiada unsur-unsur jenayah dalam kejadian ini dan mayat diserahkan kepada Unit Forensik Hospital Melaka untuk bedah siasat pada hari ini (semalam) bagi mengetahui punca sebenar kematian,” katanya lagi. — Bernama



TAJUK :	TEKNOLOGI AI BAKAL BANTU GOLONGAN BUTA 'MELIHAT'		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	13 NOV 2023	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Teknologi AI bakal bantu golongan buta 'melihat'

Telah mencapai revolusi sangat pantas, tidak mustahil akan beri manfaat kepada golongan cacat penglihatan

Oleh Borhaniza Ali Basah

SIBU: Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Dr Sim Kui Hian percaya teknologi kecerdasan buatan (AI) bakal membantu golongan cacat penglihatan untuk 'melihat' pada masa akan datang.

Beliau berkata, teknologi AI telah mencapai revolusi yang sangat pantas dan tidak mustahil akan memberi manfaat kepada golongan cacat penglihatan.

"Tahun lepas, AI tidak dapat mendengar kita tetapi tahun ini, AI boleh bercakap dengan anda. Menjelang tahun depan, mungkin AI boleh melihat anda dan boleh mengintip anda. Betapa pantasnya revolusi AI berlaku pada masa ini."

"Teknologi AI mungkin boleh membantu mereka

yang cacat penglihatan kerana mereka boleh melihat, mereka boleh membimbing dan sebagainya," katanya semasa berucap merasmikan rumah terbuka dan jualan amal tahunan Persatuan Orang Buta Sarawak Cawangan Bahagian Sibü di sini, semalam.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan orang ramai supaya tetap menjaga kesihatan mata mereka, terutama anak-anak yang mempunyai ketagihan terhadap gajet.

Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu berkata, mata manusia tidak diciptakan untuk bertahan lama melihat skrin telefon bimbit dan akan memberi kesan buruk kepada mata.

Mengenai Persatuan Orang Buta Sarawak, Dr Sim ber-

“Tahun lepas, AI tidak dapat mendengar kita tetapi tahun ini, AI boleh bercakap dengan anda. Menjelang tahun depan, mungkin AI boleh melihat anda dan boleh mengintip anda.”

Datuk Amar Dr Sim Kui Hian
Timbalan Premier Sarawak

kata sokongan padu daripada masyarakat membolehkan persatuan itu meneruskan operasi selama 45 tahun hingga sekarang.

"Mempunyai sokongan seumpama ini daripada masyarakat adalah penting untuk kelangsungan persatuan yang telah bertahan hingga 45 tahun."

"Tiada siapa yang memi-

lih untuk dilahirkan cacat penglihatan tetapi anda telah memilih untuk menyokong mereka yang membuat banyak perbezaan," katanya.

Turut hadir Pengerusi Majlis Perbandaran Sibü (MPS) Clarence Ting, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Assek Joseph Chieng, pengerusi penganjur Datin Judy Lau dan yang lain.



LAWAT: Dr Sim (dua kanan) melawat gerai yang menjual pelbagai barang pada program rumah terbuka dan jualan amal tahunan Persatuan Orang Buta Sarawak Cawangan Bahagian Sibü semalam, sambil diiringi Judy (kanan) dan yang lain.